

26/06/2003

Pengunjung kesejuta Seri Perdana

PUTRAJAYA: Ketua Pegawai Eksekutif Astro Sdn Bhd, M Pathmanathan, muncul pengunjung ke-1,000,000 mengunjungi Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri di sini.

Pathmanathan, 54, yang hadir bersama keluarganya disambut isteri Perdana

Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketika kunjungan, Dr Siti Hasmah meluangkan masa kira-kira 40 minit beramah mesra dengan keluarga Pathmanathan sebelum bersarapan bersama mereka.

Pathmanathan juga menerima sekeping gambarnya dalam bingkai dan ditandatangani Dr Siti Hasmah dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Di samping itu, keluarganya turut menerima tiga hamper.

Sebagai tanda terima kasih, Pathmanathan menyerahkan cenderamata kepada

Dr Siti Hasmah.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Pathmanathan yang terkejut menjadi pelawat kesejuta selepas melawat Seri Perdana Januari lalu, terkejut dengan berita itu dan menghargai peluang menemui Dr Siti Hasmah secara lebih dekat.

"Sebenarnya saya datang bersama Kelab Rotary, tetapi hanya nama saya ditulis dalam buku pelawat. Saya terkejut apabila diberitahu yang saya menjadi pelawat kesejuta," katanya.

Sepanjang perbualan dengan Dr Siti Hasmah, beliau dapat merasakan kemesraan isteri Perdana Menteri itu.

"Dr Siti Hasmah mudah didekati dan mesra. Saya dan keluarga amat berbangga kerana mendapat peluang ini," katanya yang berasal dari Perak dan kini menetap di Presint 8, di sini.

Kediaman Perdana Menteri yang siap dibina dan dibuka kepada pelawat sejak Mac 2000 menerima kunjungan pelawat, terutama pelancong setiap hari.

Bagaimanapun ia ditutup sementara kerja penyelenggaraan dan wabak Sindrom

Pernafasan Yang Teruk (SARS).